



**IBUPEJABAT POLIS DAERAH  
TIMUR LAUT  
JALAN DATO KRAMAT  
10150 PULAU PINANG**

**Tel No : 04 – 2181822**

**Fax : 04-2286503**

"Komuniti Sejahtera Komitmen Kami"

Ruj. Kami : 61/12  
Tarikh : 27 April 2012

Presiden ALIRAN  
103 Medan Penaga  
11600 Pulau Pinang  
(u.p : Dr Francis Loh)

**PERHIMPUNAN AMAN DUDUK BANTAH DI PULAU PINANG**

Perkara tersebut di atas dan surat tuan bertarikh 23 April 2012 adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, pihak polis telah menerima surat daripada pihak tuan berkaitan dengan perhimpunan aman yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:-

- 2.1 Tarikh : 28 April 2012 ( Sabtu )
- 2.2 Masa : 2.00petang hingga 4.00petang
- 2.3 Tempat : Dataran Pidato, Padang Kota Lama, Pulau Pinang

3. Pihak penganjur perlu mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak polis seperti yang termaktub dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 ( Akta 736) seperti berikut:-

3.1 Seksyen 4 yang menjelaskan hak untuk menganjur atau menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata tidak terpakai kepada bukan warganegara, perhimpunan yang diadakan di tempat-tempat larangan dan dalam jarak 50 meter daripada had tempat-tempat larangan. Ia juga tidak terpakai bagi bantahan jalanan. Seksyen itu juga menetapkan seseorang di bawah umur 21 tahun tidak boleh menjadi penganjur manakala kanak-kanak di bawah umur 15 tahun tidak boleh menyertai mana-mana perhimpunan.

3.2 "Tempat larangan" ertinya:-

3.2.1 Kawasan larangan dan tempat larangan yang diisytiharkan di bawah Akta Kawasan Larangan dan tempat Larangan 1959 ( Akta 298).

3.2.2 Tempat-tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama:-

"Tempat Perhimpunan" ertinya tempat di mana perhimpunan diadakan dan berhubung dengan perarakan, termasuklah suatu tempat di mana atau yang melaluinya perhimpunan itu dicadangkan akan berhenti atau lalu.

"Tempat Perhimpunan yang ditetapkan" ertinya suatu tempat yang ditetapkan oleh Menteri di Bawah seksyen 25.

- 3.3. Mana-mana orang yang merekrut atau membawa kanak-kanak ke perhimpunan atau membenarkan kanak-kanak pergi ke perhimpunan juga dianggap telah melakukan kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda sehingga RM20,000.
- 3.4. Pihak penganjur perhimpunan mesti memastikan perhimpunan itu mematuhi undang-undang dan tidak melakukan sebarang tindakan atau membuat sebarang penyertaan yang berkecenderungan mengembangkan perasaan jahat, perasaan tidak puas hati atau permusuhan di kalangan orang ramai atau mengganggu ketenangan orang awam, manakala peserta hendaklah mematuhi arahan polis atau penganjur bagi memastikan perhimpunan dikendalikan dengan teratur.
- 3.5. Seksyen 8 telah menetapkan tanggungjawab polis, di mana seorang polis boleh mengambil apa-apa langkah yang difikirkan perlu untuk memastikan perhimpunan dikendalikan dengan teratur mengikut akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
- 3.6. Jika perhimpunan ini dijalankan melangkaui tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan, pihak polis akan mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya.
- 3.7. Perhimpunan ini hendaklah dilaksanakan secara aman tanpa mengganggu gugat ketenteraman awam, merosakkan harta benda.
- 3.8. Pihak penganjur mesti bertanggungjawab terhadap pembayaran kos pembersihan akibat daripada mengadakan perhimpunan dan juga apa-apa faktor alam sekitar, sensitiviti budaya atau agama dan kepentingan sejarah yang ada pada tempat perhimpunan.

4. Tanggungjawab penganjur adalah seperti berikut:-

- 4.1 Memastikan bahawa penganjuran dan pengendalian perhimpunan tidak melanggar Akta ini atau apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
- 4.2 Memastikan bahawa dia atau mana-mana orang lain yang berada di perhimpunan itu tidak melakukan apa-apa perbuatan atau membuat apa-apa pernyataan yang berkecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan di kalangan orang awam amnya atau membuat apa-apa yang akan mengganggu ketenangan orang awam.
- 4.3 Memastikan bahawa dia atau mana-mana orang lain yang berada di perhimpunan itu tidak melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.
- 4.4 Memastikan bahawa penganjuran dan pengendalian suatu perhimpunan adalah mengikut pemberitahuan perhimpunan yang diberikan di bawah subseksyen 9(1) dan apa-apa sekatan dan syarat yang boleh dikenakan di bawah seksyen 15.
- 4.5 Melantik apa-apa bilangan orang yang difikirkannya perlu untuk bertanggungjawab bagi mengendalikan perhimpunan dengan teratur.

- 4.6. Bekerjasama dengan pihak berkuasa awam.
  - 4.7. Memastikan bahawa perhimpunan itu tidak akan membahayakan kesihatan atau menyebabkan kerosakan kepada harta atau alam sekitar.
  - 4.8. Memastikan bahawa perhimpunan itu tidak akan menyebabkan apa-apa kesusahan yang signifikan kepada orang awam amnya.
  - 4.9. Dalam hal perhimpunan serentak atau perhimpunan balas, memastikan bahawa penganjuran perhimpunan itu tidak diniatkan untuk menghalang secara spesifik perhimpunan yang satu lagi daripada diadakan atau mengganggu penganjuran perhimpunan itu.
- 5 Pihak polis akan membuat rakaman sepenuhnya sepanjang perhimpunan itu berlangsung.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya Yang Menurut Perintah.



**( GAN KONG MENG ) ACP.**  
Ketua Polis Daerah  
Timur Laut  
Pulau Pinang

s.k  
KP Pulau Pinang  
T/KP Pulau Pinang  
KCK  
KTN / KA  
KCKD  
KBKA / KTD  
KBSJD  
PP Jenayah Terancang  
Insp KA / Gerakan  
KPB Lebu Pantai

**AKUAN PENERIMAAN**

Saya Dr Francis Loh pemohon / penganjur bagi aktiviti Perhimpunan Aman Duduk Bantah, Pulau Pinang sepertimana dalam notis pemakluman rujukan 61/17 bertarikh 27 April 2012 mengaku dan faham atas syarat-syarat yang telah dikenakan dan perlu dipatuhi oleh saya

Saya juga mengaku akan bertanggungjawab sepenuhnya atas apa-apa tindakan yang akan dikenakan keatas saya kelak sekiranya pihak saya melanggar / tidak mematuhi syarat-syarat ini.

Pemohon

Saksi



.....  
Tandatangan



.....  
Tandatangan

Pada

27/4/2012

Pada

27.4.12